

Kenyataan Hadi Tidak Berasas, Demi Kepentingan Politik Semata-Mata - Muhyiddin Bernama
Jun 6, 2011

KUALA LUMPUR: Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin pada Ahad menyifatkan segala tohmahan dan kecaman Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang terhadap Umno dan Barisan Nasional (BN) sebagai tidak berasas dan dibuat demi kepentingan politik semata-mata.

"Saya baca dengan teliti apa yang telah diungkapkan Presiden PAS pada Muktamar (Muktamar Tahunan PAS ke-57) yang menghentam bertubi-tubi BN dan Umno. Dia buat kenyataan begitu dengan menidakkan segala-galanya, (beliau menuduh) segala kemungkaran yang berlaku di Malaysia ini adalah kerana kezaliman dan tidak ada sistem pendidikan Islam yang betul.

"Bagi saya ini satu kenyataan yang cukup melampau, yang tidak Islamik, yang tidak berasaskan niat dan nawaitu yang baik kerana muslihah politik lebih dari segala-galanya.

"Ini suatu kenyataan politik. Kita sebagai seorang tokoh agama, jangan (guna) politik. Ia mesti berdasarkan kepada hak, kenyataan yang benar bukan kita gunakan kesempatan itu untuk menidakkan mana yang hak, mana yang betul. Kalau betul... dia kata, barulah dia pemimpin yang berwibawa," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Simposium Manhaj Bandar Pengurusan Masjid dan Surau Wilayah Persekutuan di Kompleks Pusat Islam di sini, Ahad.

Muhyiddin berkata konsep negara kebajikan yang kini diperjuangkan PAS sudah lama dipraktikkan oleh kerajaan BN.

"Kalau PAS mengatakan hari ini mereka nak meninggalkan perjuangan negara Islam dan mereka nak menegakkan negara kebajikan, Malaysia sudah lebih daripada apa yang disebut oleh PAS sebagai negara kebajikan.

"Kita tak mengamal konsep kebajikan Barat tetapi kita mengambil pendekatan Islam iaitu membantu masyarakat yang lemah, miskin dan papa, memberikan subsidi, memberikan didikan pelajaran yang percuma pada peringkat awal sampai ke peringkat menengah serta memberi bantuan kesihatan dan perubatan di semua hospital," katanya.

Mengenai pendirian PAS untuk tidak bekerjasama dengan Umno, Muhyiddin berkata PAS memilih pendekatan yang sempit apabila hanya bekerjasama dengan pihak yang boleh memberikan keuntungan sahaja.

"Jadi, maknanya saya tak kisah, kita akan teruskan usaha kita dengan sesiapa sahaja tak semestinya dengan pertubuhan politik dan kita tak bersandarkan kepada PAS... kalau dia dah kata begitu tak apalah," katanya.

Bagaimanapun, Muhyiddin berkata Umno masih membuka pintu kerjasama dengan PAS.

"Untuk kebaikan ummah, kita tak pernah tutup pintu, sama ada dia nak terima atau tak itu soal lain, kerana menyeru kepada kebaikan ini tuntutan agama. Jadi seruan kita untuk kebaikan dan kebajikan bukan untuk politik, (tetapi) untuk kepentingan ummah.

"Itu bezanya antara Umno dan PAS. Umno ambil gagasan ummah secara keseluruhan, PAS ambil kepartian... jadi kalau nak kata siapa yang lebih baik, saya fikir Umno lah yang lebih baik," katanya. - **BERNAMA**

Hakcipta Terpelihara © 1995-2011 Star Publications (Malaysia) Bhd (Co No 10894-D).

Source: http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2011/6/6/mstar_berita/20110605181415&sec=mstar_berita